



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5

Tarikh : 27 Oktober 2022

PEKELILING AKADEMIK BIL. 34/2022

Semua Pelajar Program ASASlpintar


Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU
PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2022/2023**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023 Program ASASlpintar akan diadakan mulai **27 hingga 30 Disember 2022**.

2. Sehubungan itu, saudara/i diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam urusan Pengesahan Kursus dan Draf Jadual Waktu Peperiksaan Akhir Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023. Urusan pengesahan kursus dan jadual waktu peperiksaan perlu dibuat melalui <http://smplucee.ukm.my/smpweb> mulai **25 Oktober 2022 hingga 4 November 2022**. Dalam paparan borang permohonan ini akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar serta draf jadual peperiksaan akhir. Saudara/i dikehendaki menyemak maklumat tersebut dan mengesahkannya. Tindakan yang saudara/i perlu lakukan ialah seperti berikut:

- i) Sekiranya semua maklumat adalah betul dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, maka saudara/i perlu mengesahkannya dengan menekan butang **SAH**.
 - ii) Sekiranya terdapat **percanggahan jadual peperiksaan** atau **3 kursus berturutan dalam satu hari** maka saudara/i dikehendaki mencatatkan kursus terlibat dan memaklumkan kepada Ketua Penolong Pendaftar di Pusat GENIUS@Pintar Negara selewat-lewatnya pada **5 November 2022**.
3. Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Saudara/i yang tidak membuat pengesahan masuk peperiksaan juga **akan dikenakan denda sebanyak RM15.00**.
4. Jadual Peperiksaan muktamad akan dipaparkan dalam **Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP)** yang boleh dicapai melalui **SMPweb** mulai **5 Disember 2022**. Pelajar dinasihatkan untuk menjelaskan semua hutang dengan universiti untuk mengelakkan sebarang kesulitan. Sekiranya saudara/i mempunyai masalah untuk menjelaskan hutang secara sekaligus, **silalah berbincang dengan Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari** untuk mengelakkan sebarang kesulitan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia


Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8454 E-mel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat GENIUS@Pintar Negara
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Ketua Penolong Pendaftar Pusat
GENIUS@Pintar Negara
 - Ketua, Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8454 E-mel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik